

# Consigel Powder For Oral Solution 3.5g

Ispaghula Husk Powder 3.5g

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Consigel
2. Bagaimana Consigel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Consigel
4. Cara menggunakan Consigel
5. Semasa menggunakan Consigel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Consigel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Consigel

Consigel disyorkan untuk membantu melegakan sembelit termasuk sembelit semasa mengandung. Produk ini juga membantu mengekalkan fungsi usus besar secara normal dikalangan pesakit yang mengalami kondisi seperti berikut:

- Colostomy
- Ileostomy
- Buasir
- Tisu otot bahagian dubur yang luka (Anal fissure)
- Cirit-birit yang berterusan dikaitkan dengan penyakit diverticular (Chronic diarrhoea associated with diverticular disease)
- Irritable bowel syndrome (sindrom usus besar yang bermasalah)
- Ulser kolitis (Ulcerative colitis)

## Bagaimana Consigel berfungsi

Consigel mengandungi ispaghula husk (atau psyllium husk) iaitu serat semulajadi/ julap jenis pukat yang membantu melegakan sembelit. Ia bertindak dengan menyerap air daripada saluran usus untuk menambah kandungan dan jisim najis bagi menggalakkan peristalsis (pengecutan otot usus).

## Sebelum menggunakan Consigel

### Bila anda tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Consigel jika anda:

- sedang mengalami masalah meneran secara berlebihan ketika membuang najis.
- mengalami masalah usus tersumbat atau otot usus yang lemah.

### Mengandung dan menyusukan anak

Consigel boleh disyorkan semasa kehamilan dan penyusuan jika perlu, dan jika perubahan pemakanan tidak berjaya. Julap jenis pukat harus digunakan sebelum menggunakan purgatif lain.

### Sebelum anda mula menggunakan

- Jangan ambil Consigel tanpa air. Campurkan produk dengan cecair. (8 auns cecair atau 240mL air atau 1 sachet untuk jenis cecair yang lain). Kacau sebelum diminum. Pastikan minum banyak air apabila megambil produk ini.
- Concigel tidak boleh diguna oleh pesakit yang mengalami masalah meneran secara berlebihan ketika membuang najis ataupun mempunyai simptom seperti sakit perut, loya

dan muntah melainkan dengan nasihat doktor. Ini kerana simptom-simptom ini menunjukkan potensi ataupun kemungkinan pesakit mengalami masalah usus tersumbat (*ileus*).

- Sekiranya mengalami sakit perut ataupun pembuangan najis secara tidak tetap, penggunaan Consigel perlu dihentikan dan sila dapatkan nasihat doktor.
- Pengambilan air yang tidak mencukupi akan menyebabkan kesukaran untuk menelan dan tercekik serta usus tersumbat. Simptom yang boleh dialami seperti sakit dada, muntah, kesukaran untuk menelan dan sukar untuk menafas.
- Rawatan untuk golongan pesakit yang lemah ataupun warga tua memerlukan pengawasan perubatan.
- Untuk mengurangkan risiko usus tersumbat, Consigel tidak boleh diguna bersama produk ubat yang boleh menghalang peristalsis (contoh opioids) selain mendapat nasihat doktor.
- Jangan ambil dos yang akhir sebelum tidur kerana pergerakan gastrik yang kurang aktif pada waktu malam akan menjejaskan lorong usus dan menyebabkan penyumbatan separa.
- Sekiranya masalah sembelit berterusan selama 3 hari, atau sakit perut mahupun pembuangan najis secara tidak tetap, hentikan pengambilan psyllium dan sila dapatkan nasihat doktor.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

- Ispaghula serta julap jenis pukat yang lain akan menyebabkan penyerapan beberapa ubat ke dalam usus menjadi lambat seperti cardiac glycosides (ubat jantung), coumarin derivatives, lithium, atau vitamin (seperti vitamin B12) dan mineral (seperti kalsium, zat besi atau zink).
- Jarak antara pengambilan ispaghula dan pengambilan ubatan atau makanan lain adalah disarankan dalam masa 30 minit hingga 1 jam.
- Dos insulin mungkin perlu dikurangkan untuk pesakit kencing manis yang mengambil ispaghula.
- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Consigel

### Berapa banyak harus digunakan

*Dewasa & Kanak-kanak lebih 12 tahun:*

Satu sachet, pada waktu pagi dan petang.

*Kanak-kanak (6 - 12 tahun):*

Separuh hingga satu sudu 5ml penuh, bergantung pada umur dan saiz, diambil pada waktu pagi dan petang

*Kanak-kanak (bawah 6 tahun):*

Penggunaan oleh kanak-kanak di bawah 6 tahun adalah tidak disyorkan.

### Bila perlu digunakan

Consigel adalah untuk dimakan bersama segelas penuh air. Serbuk Consigel hendaklah dikacau di dalam segelas air dan perlu diminum secepat

yang mungkin, seeloknya selepas makan. Kesan Consigel akan dirasakan bermula dari 12 – 24 jam selepas diambil.

Produk ini perlu diambil sewaktu hari siang sekurang-kurangnya setengah hingga satu jam, sebelum atau selepas pengambilan ubatan lain dan tidak boleh diambil sejurus sebelum tidur.

### Berapa lama perlu digunakan

- Sila ikut arahan daripada doktor atau ahli farmasi anda.
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil produk ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

### Jika anda terlupa menggunakannya

Sila ambil secepat yang mungkin jika anda terlupa. Dilarang ambil apabila waktu makan seterusnya sudah dekat untuk mengelakkan daripada mengambil dos berganda.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan segera apabila terambil berlebihan.

Anda mungkin akan mengalami ketidakselesaan pada perut, rasa kembung perut dan gangguan usus. Pengambilan air yang secukupnya perlu diteruskan, sekiranya produk diambil tanpa air, dan bertentangan dengan cara pengambilan yang disarankan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Consigel

### Perkara yang perlu dilakukan

- Consigel adalah untuk dimakan sahaja.
- Sila minum air secukupnya.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Dilarang mengambil Consigel jika tidak perlu.
- Jangan melebihi dos yang dibenarkan.
- Jangan ambil consigel tanpa air.
- Jangan hirup serbuk, ini untuk mengurangkan risiko alahan terhadap bahan aktif semasa pengambilan ubat.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila berunding dengan doktor anda atau ahli farmasi, terutamanya kepada mereka yang terdapat alahan dengan Consigel. Jika simptom berlaku selama lebih dari 3 hari, pesakit perlu mendapatkan nasihat daripada doktor.

## Kesan-kesan sampingan

- Kesan alahan termasuk ruam, *rhinitis* (radang pada hidung), masalah kulit, gangguan saluran pernafasan dan *anaphylactic shock* (alahan alergi yang sangat serius)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* →

*Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].*

**Cara penyimpanan dan pelupusan Consigel**

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Tarikh luput produk ini ditunjukkan pada bungkusan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Sebelum dilarut dalam air: Serbuk berwarna coklat.

Selepas dilarut dalam air: Suspension berwarna kuning ataupun coklat, dengan perisa oren.

Bahan-bahan kandungan

*Bahan aktif*

Ispaghula Husk

*Bahan tidak aktif*

Citric Acid Anhydrous, Sodium Bicarbonate, Potassium Bicarbonate, Saccharin Sodium, Polysorbate 80, Quinoline Yellow, Sunset Yellow and Orange Flavour.

Nombor MAL

MAL

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

20 Apr 2021

**Nombor Siri**

NPRA(R2)/21/047